



**V**aluable individuals of the society  
**A**ccountable team players  
**L**ife long learners  
**U**niversal minded graduates  
**E**mpathetic leaders  
**S**ocially responsible citizens

**VALUES @ CITra**

e-Bulletin of Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra)



**HUBUNGI KAMI:**

Pusat Pencetus Bakat dan  
Latihan Industri (CITra)  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur

No. telefon: 03-7967-5410  
Emel: [citra@um.edu.my](mailto:citra@um.edu.my)  
Laman web:  
<https://citra.um.edu.my>

# SIDANG EDITOR & PENGARANG

Penasihat

Dr. Wendy Yee Mei Tien

Ketua Editor

Dr. Noor Ain Mat Noor

Editor

Dr. Irene Yong Seok Ching

Dr. Faezah Kassim

Pn. Putri Harlinda Ibrahim

Penyumbang Artikel

Dr. Irene Yong Seok Ching

Dr. Faezah Kassim

Dr. Noor Ain Mat Noor

Dr. Wong Seng Yue

Dr. Soong Ming Foong

Dr. Kannaki Vaithilingam

Dr. Ponmalar Alagappar

Cik Nurhafizah Jafri

# ISI KANDUNGAN

HALAMAN

Kata Alu-aluan Pengarah	1
Dari Meja Editor	3
<b>Aktiviti Pelajar di CITra</b>	
Kreativiti, Bakat & Inovasi	
• Program Creativity and Innovation: Design Thinking	4
• The Lost Food Project	6
• Co-curriculum Carnival	8
• Mini Sukan	10
• STEM Entrepreneurship Project	12
Komuniti & Bakti Sosial	
• University-Community Engagement (UCE)	13
Semarak Ilmu	
• Wacana Harmoni (i-Wacana Citra)	16
Keusahawanan & Kerjaya	
• Connected Campus Tour 2018 - CEO Talk	19
• STAR Youth Entrepreneurship Competition	20
• Kelas Digital Marketing Bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC)	21
• Online Marketing Bersama Grocer Mart Singapore	22
• Bengkel Persediaan Latihan Industri	23
<b>Aktiviti Pemerkasaan Staf</b>	
Sesi Perkongsian Ilmu	25

# KATA ALU-ALUAN PENGARAH



Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sidang redaksi buletin VALUES kerana memberi saya ruang dan kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan ini. Sukacitanya saya ingin memperkenalkan buletin VALUES yang julung kaliinya diterbitkan pada tahun ini. Untuk makluman pembaca yang budiman, VALUES merupakan wadah rasmi CITra dalam menyalur dan mengenengahkan segala informasi berkaitan aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh pihak CITra. Pemilihan nama VALUES menggambarkan dengan jelas aspirasi dan misi yang digalas oleh CITra dalam melahirkan graduan yang seimbang, 'employable' dan dilengkapi dengan nilai kemanusiaan, kemahiran dan pemikiran bersifat global (global mindset).

Elemen-elemen yang terkandung dalam VALUES amat berkait rapat dengan UM Graduate Student Attribute (GSA) iaitu merangkumi V=Valuable Individuals of the society,

A=Accountable Team Players, L=Life Long Learners, U=Universal Minded Graduates, E=Empathetic Leaders dan S=Sociaiy Responsible Citizens. Valuable Individual of the Society misalnya merujuk kepada problem solvers yang diinspirasikan oleh kreativiti dan pemikiran kritis manakala Accountable Team Players pula memberi perhatian terhadap etika, sifat bertanggungjawab dan kerjasama serta integriti dalam kehidupan seharian. Sementara itu, Life Long Learners menekankan pembelajaran secara aktif, cekik digital dan sesuai dengan perubahan di era baru manakala Universal Minded Graduates pula menekankan komunikator efektif yang mampu melahirkan idea dan pandangan yang bersifat global serta mempunyai kefahaman 'glocal' yang luas.

Selain itu, VALUES turut mengenengahkan Empathetic Leaders yang merujuk kepada pelajar yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi, sifat empati dan menghormati perasaan dan keperluan insan yang lain. Elemen berikutnya iaitu Socially Responsible Citizens pula memfokuskan kepada usaha untuk melahirkan insan yang bertanggungjawab dalam menyumbang ke arah kebijakan dan kesejahteraan masyarakat khususnya..

Secara tuntasnya, elemen-elemen yang diketengahkan dalam VALUES ini menjadi sandaran utama CITra dalam mencapai visi untuk menjadi sebuah pusat bertaraf dunia yang cemerlang dan dapat mencungkil potensi yang ada dalam setiap diri pelajar serta melahirkan pemimpin yang sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan. Menggalas tagline "Engaging Hearts and Minds, Producing Future Leaders", CITra begitu komited dalam menghasilkan modal insan yang kompeten, berketrampilan dan holistik. Hal ini dijelaskan melalui kursus-kursus yang ditawarkan oleh CITra seperti Hubungan Etnik, TITAS, Asas Pembudayaan Keusahawanan, Kursus Elektif Luar Fakulti dan kokurikulum yang menjadi taruhan utama CITra dalam menerapkan pendidikan yang berteraskan nilai.

Dalam usaha untuk memastikan para pelajar menghayati nilai-nilai murni dan kemanusiaan, kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus di CITra adalah menggunakan 'experiential learning' dengan pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan para pelajar, komuniti, NGO dan jaringan industri telah dijalankan. Antara aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh CITra adalah seperti program UCE (University Community Engagement), Co-curriculum Carnival dan Internship Day. Ini menjadi bukti bahawa CITra begitu berdedikasi dan menggalas tanggungjawab yang besar dalam 'memanusiakan manusia', melahirkan insan yang mencintai satu sama lain, mencintai masyarakat dan seterusnya mencintai negara.

Dalam edisi VALUES yang pertama ini, pihak CITra amat berbesar hati untuk meuar-uarkan beberapa program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh CITra sepanjang Semester I, Sesi 2018/2019. Antaranya ialah seperti program The Lost Food Project dan program Creativity and Innovation: Design Thinking yang melibatkan pelajar daripada kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan, program Wacana Harmoni (i-Wacana Citra), University Community Engagement, STAR Youth Entrepreneurship Competition dan beberapa lagi program anjuran CITra yang dimuatkan dalam edisi ini.

Diharap dengan penerbitan buletin ini dapat memanfaatkan para pembaca dengan pelbagai informasi dan maklumat yang berguna. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam mengembangkan usaha untuk menjayakan penerbitan buletin yang pertama ini.

DR. WENDY YEE MEI TIEN  
PENGARAH CITRA

# DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, atas limpah nikmat dan kurniaNya, CITra telah berjaya menelusuri tahun 2018 dengan penuh gemilang dan menyingkap tabir tahun 2019 dengan penerbitan buletin VALUES yang telah direalisasikan untuk keluaran yang pertama. VALUES menjadi medium rasmi bagi meuar-uarkan segala aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh pihak CITra. Sepanjang Semester I, Sesi 2018/2019, pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan bagi mencapai visi CITra untuk menjadi sebuah pusat bertaraf dunia yang berperanan mencungkil potensi dan bakat pelajar serta melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta memiliki nilai-nilai kemanusiaan.

Di antara segmen utama yang terangkum dalam keluaran pertama ini adalah merangkumi Co-Curriculum Carnival (CCC), i-Wacana Citra, The Lost Food Project, University Community Engagement (UCE) dan beberapa buah program yang lain. Kesemua aktiviti dan program ini telah dilaksanakan dengan penuh jayanya pada tahun 2018. Co-Curriculum Carnival misalnya merupakan salah sebuah program besar yang dianjurkan oleh CITra yang melibatkan kesemua pelajar yang mengambil kursus kokurikulum yang ditawarkan oleh CITra. Melalui CCC, kemahiran yang dipelajari oleh pelajar semasa mereka mengikuti kursus kokurikulum telah ditonjolkan dalam pelbagai acara seperti persembahan, pameran, demonstrasi dan mini sukan. Acara-acara ini menjadi platform kepada pelajar untuk mengenengahkan bakat terpendam yang dimiliki oleh mereka.

Selain itu, penghujung tahun 2018 juga menyaksikan sebuah program yang dikenali sebagai Wacana Harmoni (i-Wacana Citra) telah dilaksanakan dengan jayanya. Program yang julung kali diadakan ini melibatkan penyertaan daripada pelajar bagi kursus GIIG1002 Hubungan Etnik dan GIIG 1001 TITAS. Program ini menjadi platform kepada pelajar untuk mengenengahkan hasil tugas mereka dalam bentuk poster. Di samping itu, Citra turut terlibat dalam beberapa program bersama dengan pihak industri. Antaranya ialah seperti Connected Campus Tour 2018 - CEO Talk, STAR Youth Entrepreneurship Competition, Kelas Digital Marketing Bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC) dan Online Marketing Bersama Grocer Mart Singapore. Tidak ketinggalan, aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan warga akademik di CITra turut dijalankan.

Program-program anjuran CITra menjadi lambang kepada usaha pusat ini untuk menjadi sebuah pusat yang bertanggungjawab dalam menghasilkan modal insan yang kompeten, berketrampilan dan holistik. Sidang editorial amat berharap agar pembaca yang budiman dapat mengambil dan manfaatkan segala input dan maklumat yang dikongsikan dalam buletin ini. Di kesempatan ini, pihak editorial ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan buah fikiran bagi menjayakan penerbitan buletin ini. Tanpa usaha dan komitmen daripada semua pihak, penghasilan dan penerbitan buletin ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tahniah dan syabas.

DR. NOOR AIN BT MAT NOOR  
DR. IRENE YONG SEOK CHING  
DR. FAEZAH KASSIM  
PUAN PUTRI HARLINDA IBRAHIM


# KREATIVITI, BAKAT & INOVASI

## Program Creativity and Innovation: Design Thinking

Dr. Irene Yong Seok Ching & Dr. Kannaki Vaithlingam

Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) dengan kerjasama Innovative Academy, University College Dublin (UCD), Ireland telah melancarkan program *Creativity and Innovation: Design Thinking* pada 15-18 November 2018.


Program ini merupakan sebahagian daripada komponen penilaian kursus dan bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran keusahawanan dengan menggunakan *design thinking* dan pendekatan inovatif.



Penglibatan pelajar dalam aktiviti *Creativity and Innovation: Design Thinking*.



Pelajar menjalankan aktiviti bersama trainer dari UCD.



# THE LOST FOOD PROJECT

Dr. Irene Yong Seok Ching

CITra dan The Lost Food Project (TLFP) telah mengadakan projek kolaborasi untuk menerapkan elemen keusahawanan sosial kepada seramai 101 pelajar APR bagi Semester I, Sesi 2018/2019. TLFP merupakan sebuah organisasi amal yang berusaha untuk menangani masalah kelaparan di Malaysia melalui inovasi proses pengurusan sisa makanan.

Program ini melibatkan pembelajaran melalui pengalaman (*Experiential Learning*) yang merupakan sebahagian daripada penilaian kursus. Projek ini antara lainnya meliputi ceramah industri, lawatan lapangan ke gudang TLFP (24 Oktober 2018) dan pembentangan ulasan konstruktif yang turut dinilai oleh ahli TLFP (12 Disember 2018).



Sesi soal jawab bersama penceramah.



Sesi penerangan oleh sukarelawan TLFP.



Pelajar bersama sukarelawan dan staf di gudang TLFP dengan moto "Feed the Hungry, Not the Landfill".

Berdasarkan pendedahan yang diberi mengenai isu kelaparan dan pembaziran makanan di Malaysia, pelajar mengaplikasi pemikiran kreatif dan inovatif yang dipelajari dalam kelas APK untuk menghasilkan cadangan penambahbaikan operasi kepada TLFP. Ini dilakukan melalui sesi pembentangan ulasan konstruktif.

Melalui projek ini, pelajar berpeluang mengasah kemahiran insaniah seperti pendengaran aktif, pemikiran dan penaakulan kritis, pertanyaan berkesan, penyelesaian masalah secara kreatif, kepemimpinan, kerja berpasukan dan pengurusan projek. Di samping itu, projek ini juga memupuk kesedaran tanggungjawab sosial.



Penilaian pembentangan ulasan konstruktif oleh ahli TLFP.



Pelajar mengaplikasi pendengaran aktif untuk mengekstrak maklumat.

# CO-CURRICULUM CARNIVAL

Dr. Wong Seng Yue



Co-curriculum Carnival (CCC'18) yang sebelum ini dikenali sebagai Pesta Kokurikulum telah berlangsung pada 15 Disember 2018 dengan tema "Celebrating Diversity, Catalysing Change, Characterising Holistic". CCC'18 diadakan di Kompleks Perdanasiswa (KPS) dan melibatkan tiga komponen kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) iaitu persembahan, demonstrasi dan pameran.

Antara kursus yang terlibat dalam persembahan adalah seperti Gamelan, Taklempong, Angklong dan Nyanyian Harmoni manakala bagi demonstrasi pula ialah seperti Senamrobik, Zumba, Karate Do, Aikido, Taekwon Do, Silat Olahraga, Memanah dan Tarian Orang Asli.

Sementara itu, pameran pula melibatkan kursus seperti Asas Seni Kaligrafi, Cat Air, Karikatur, Asas Seni Halus, Jahitan, Asas Kemahiran Ikhtiar, Asas Grafik Berkomputer, Asas Seni Tembikar dan Anyaman. Kursus Khidmat Komuniti GKN1001 (1) & (2) pula menjalankan program derma darah dan tanaman sayuran.



Pelajar membuat persembahan gitar di atas pentas Auditorium KPS.



Pelajar kursus Asas Canting berkongsi kemahiran mencanting.

Pelajar kursus Asas Seni Lukisan Cat Air menumpukan perhatian dalam mereka bentuk karya.



Pelajar menunjukkan demonstrasi asas kemahiran memanah di pentas Gazebo.

Pelajar kursus Karikatur memamerkan hasil karya lukisan.



# MINI SUKAN

Dr. Soong Ming Foong



Mini Sukan merupakan sebahagian daripada CCC'18 yang melibatkan kursus-kursus Kokurikulum Berkredit (KKB), Komponen Sukan di CITra.

Pada Semester II, Sesi 2018 / 2019, Mini Sukan telah diadakan pada 9 Disember 2018 dan melibatkan pelajar daripada kursus GKV1004 Asas Pengurusan Sukan.

Mini Sukan ini dikendalikan oleh pelajar daripada dua kursus KKB iaitu GKN1002 Asas Pengurusan Acara dan GKN1004 Asas Keusahawanan Sosial.



Acara bola jaring di Gelanggang Varsiti.




Acara badminton dan sepak takraw di Jimnasium 2, Kolej Kediaman Kedua.



Acara futsal di Gelanggang Futsal, Fakulti Undang-undang.

# STEM ENTREPRENEURSHIP PROJECT



Dr. Wong Seng Yue



Mentor STEM memberi tunjuk ajar kepada pelajar.

Seramai 136 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat terlibat dalam program STEM Entrepreneurship Project. Melalui program ini, pelajar dapat menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif untuk mereka cipta prototaip melalui *Arduino Micro Controller* dan *Computer Programming*.

Pada akhir program, para pelajar dapat mengaplikasi ilmu STEM untuk menghasilkan *alarm sensor* yang boleh digunakan bersama produk lain. Latihan keusahawanan seperti ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar menjana pendapatan.



Alarm sensor - Hasil pembelajaran pelajar.

# KOMUNITI & BAKTI SOSIAL

## UNIVERSITY-COMMUNITY ENGAGEMENT (UCE)

*Dr. Ponmalar Alagappar*

UCE merupakan sebahagian daripada aktiviti KKB yang melibatkan pelajar bersama komuniti. Melalui UCE, pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari dalam KKB bersama masyarakat tempatan. Antara komuniti yang terlibat dalam UCE terdiri daripada golongan anak yatim, masyarakat luar bandar, pelajar sekolah dan lain-lain.



Pelajar kursus Asas Seni Lukisan (Seni Halus) dan Aikido menjalankan aktiviti bersama peserta.



Demonstrasi jahitan oleh pelajar kursus Asas Jahitan.



Program UCE Asas Seni Gamelan melibatkan pelajar sekolah.



Pelajar kursus Khidmat Komuniti menjalankan aktiviti bersama peserta.

# SEMARAK ILMU

## Wacana Harmoni (i-Wacana Citra)

Dr. Noor Ain bt Mat Noor

CITra telah menganjurkan program Wacana Harmoni (i-Wacana Citra) pada 17 November 2018 (Sabtu) bertempat di Auditorium KPS, Universiti Malaya. Program ini melibatkan seramai 1800 pelajar kursus GIG1001 TITAS dan GIG1002 Hubungan Etnik bagi Semester I, Sesi 2018/2019.

Program ini bertujuan untuk melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices-HIEPs*) sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU).

Dalam program ini, para pelajar terlibat dalam pertandingan pembentangan poster dan pemenang diberikan hadiah. Di samping itu, pelajar turut terlibat dalam program bual bicara bersama penceramah jemputan iaitu Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (pakar Perlembagaan) yang membicarakan hal ehwal Perlembagaan di Malaysia.



Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain memberikan ceramah.



Pelajar sedang mendengar ceramah.



Sesi pembentangan poster pelajar.




Pelajar bersama poster masing-masing.



Sesi penjurian poster pelajar.



Pembentangan poster pelajar kepada juri.



Penyampaian hadiah kepada pemenang poster oleh Pengarah CITra, Dr. Wendy Yee Mei Tien.

# KEUSAHAWANAN & KERJAYA

## CONNECTED CAMPUS TOUR

### 2018 - CEO TALK

Dr. Ponmalar Alagappar

CITra dengan kerjasama GenYouth telah menganjurkan program Connected Campus Tour 2018 - CEO Talk pada 28 November 2018.

Program ini bertujuan untuk membentuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar, meningkatkan kesedaran perindustrian dan membuka laluan kerjaya serta menyediakan pasaran perniagaan kepada para pelajar.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEOs) jemputan yang menyampaikan ceramah adalah terdiri daripada:

- En. Eldrick Koh - GenYouth Founder
- Dato' KK Chua - Founder & Managing Director of Entrepreneur Insight
- En. Rueban Emir Gnanalingam – CEO Westports Malaysian Sdn. Bhd.
- En. Gray Chua - CEO Smart Financing
- En. Tiah Joo Kim - CEO TA Global Bhd.
- En. Marc Chua - Co-founder & CEO ULTRON Asia Pacific



Sesi ceramah dan perkongsian bersama pelajar.

# STAR YOUTH ENTREPRENEURSHIP COMPETITION


Dr. Soong Ming Foong



Penceramah berkongsi pengalaman dengan pelajar.

CITra dengan kerjasama Stellavingze telah menganjurkan STAR Youth Entrepreneurship Competition pada Semester I, Sesi 2018/2019. Puan Siti Zareha Mohamad Salleh Yong (Pengurus Pemasaran) dan rakan perniagaan berkongsi pengalaman dengan pelajar daripada dua kelas APK mengenai petua dan cadangan yang berguna dalam menghasilkan idea perniagaan.

Melalui program ini, para pelajar dapat meningkatkan pemahaman terhadap bidang keusahawanan dan menjana idea perniagaan dengan lebih berkesan.



Pelajar terlibat dalam pertandingan *pitching*.

# Kelas Digital Marketing

## Bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC)

Cik Nurhafizah Jafri

CITra dengan kerjasama GenYouth telah menganjurkan kelas Pemasaran Digital pada 4 Disember 2018 yang dikendalikan oleh Encik Razin Zaidei (Pengurus Projek) daripada MDeC.

MDeC adalah sebuah institusi milik kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Koridor Super Multimedia di Malaysia sebagai industri teknologi dan zon perdagangan.

Seramai 75 pelajar Universiti Malaya terlibat dalam program ini dan menerima sijil e-Usahawan.



Instructor MDeC memberikan ceramah.



Dalam program ini, pelajar didedahkan kepada topik berikut:

- Laman Facebook untuk perniagaan.
- Membangunkan laman web perniagaan menggunakan aplikasi Website-Builder.
- Menjalankan pembelajaran e-Usahawan dalam talian .

# Online Marketing BERSAMA GROCER MART SINGAPORE

Dr. Ponmalar Alagappar

Grocer Mart dari Singapura telah bekerjasama dengan CITra dalam menganjurkan program pemasaran atas talian yang melibatkan seramai 80 pelajar kursus APK.

Dalam program ini, pelajar didedahkan kepada kaedah tinjauan pasaran atas talian. Pada akhir program, para pelajar telah mengemukakan cadangan pemasaran produk mereka secara atas talian kepada Grocer Mart.



Wakil Grocer Mart Singapore memberi taklimat kepada pelajar.



Pelajar bergambar bersama Grocer Mart Singapore.

# Bengkel Persediaan

## *Latihan Industri*

Cik Nurhafizah binti Jafri

Pada Semester II, Sesi 2017/2018, CITra telah menganjurkan tujuh sesi Bengkel Persediaan Latihan Industri (Industrial Training Preparatory Workshops) iaitu pada 17 Mac 2018, 18 Mac 2018, 31 Mac 2018, 1 April 2018, 6 April 2018, 7 April 2018 dan 8 April 2018. Bengkel ini diadakan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sains dan CITra. Ia melibatkan penceramah daripada beberapa organisasi industri korporat.


Bengkel ini adalah untuk memenuhi ketetapan Program Latihan Industri Universiti Malaya. Seramai 1818 pelajar daripada semua fakulti (kecuali Fakulti Undang-undang, Perubatan dan Pergigian) mengambil bahagian dalam bengkel ini.



Wakil industri memberikan ceramah kepada pelajar.

Berikutnya, pada Semester I, Sesi 2018/2019, sebanyak lima sesi Bengkel Persediaan Latihan Industri telah diadakan iaitu pada 9, 10, 12, 19 dan 26 Oktober 2018.

Sesi pada kali ini melibatkan seramai 919 orang pelajar daripada Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Akademi Pengajian Islam, Fakulti Sains, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat serta Pusat Sukan.



Wakil industri menyampaikan ceramah kepada pelajar.



Year	Company	Position
1992-1993	PUBLIC FINANCE	Graduate Trainee
1993-2004	Panasonic	Management Trainee Sales Executive Sales Manager Department Head of Sales
2004 -	ASK	Chief Executive Officer

Melalui bengkel ini, pelajar diberi pendedahan tentang kemahiran insaniah dan pelbagai keperluan penting lain sebagai persediaan latihan industri serta kemasukan ke alam pekerjaan. Antara pengisian bengkel termasuklah pengolahan CV, keperluan *internship* dan peraturan yang berkaitan.

# AKTIVITI PEMERKASAAN STAF

## SESI PERKONGSIAN ILMU

Dr. Noor Ain binti Mat Noor

Sesi Perkongsian Ilmu merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh CITra bagi menggalakkan perkongsian ilmu dalam kalangan staf. Pada Semester I, Sesi 2018/2019, Sesi Perkongsian Ilmu telah diadakan pada 17 Oktober 2018 dan melibatkan seramai empat pembentang iaitu:

- Dr. Ponmalar N. Alagappar (*Entrepreneurial Leaders Programme & Entrepreneurial Educator Enhancement Programme*).
- Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis (Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi, HIEPs).
- Dr. Noor Ain binti Mat Noor (Isu-isu Permasalahan di Penjara Kedah, 1905-1941).
- Puan Faridah binti Che Husain (Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus TITAS di Universiti Malaya).



Pembentang sedang membentangkan tajuk kepada semua staf di CITra.



Diterbitkan oleh:

Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri  
*Centre for the Initiation of Talent and  
Industrial Training (CITra)*  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur

No. telefon: 03-7967-5410  
Emel: [citra@um.edu.my](mailto:citra@um.edu.my)  
Laman web: <https://citra.um.edu.my>